

LINDUNGI MAKLUMAT PERIBADI

Penulis : Norfaezah binti Abd. Halim

Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Bahagian : Bahagian Pematuhan ICT

Di dalam dunia online, maklumat peribadi anda amatlah berharga!



- ✓ Nama penuh anda
- ✓ Alamat
- ✓ Nombor telefon
- ✓ Sekolah, kolej/universiti, pejabat/tempat kerja
- ✓ Tarikh lahir
- ✓ Alamat e-mel
- ✓ Nama pengguna dan kata laluan
- ✓ Maklumat akaun bank

Mengapa semua ini penting? Kerana semua maklumat tersebut membolehkan anda menguruskan kehidupan dengan mudah, cepat dan menyeronokkan.

Namun, anda perlu sentiasa berhati-hati agar maklumat ini tidak didedahkan kepada umum atau syarikat yang tidak boleh dipercayai. Maklumat peribadi anda ini boleh digunakan bagi tujuan penipuan (orang lain boleh menggunakan maklumat anda untuk membeli-belah online, mendaftar dengan komuniti online, dan sebagainya), atau spam (menggunakan nama anda untuk menjual produk, menipu atau menyebarkan cerita palsu).



Tips
Ringkas

- ✓ Hanya dedahkan maklumat peribadi anda di laman web setelah anda betul-betul pasti ianya selamat.
- ✓ Cara kenal pasti laman web adalah selamat :
 - Kebanyakan pelayan (browser), termasuk *Firefox*, *Chrome*, dan *Internet Explorer* mempunyai fungsi untuk memberi indikasi jika laman itu “disahkan selamat” (*verified as legitimate*). *Verified* bermaksud selamat. Untuk lebih selamat, muat turun versi pelayan yang terbaru!
 - Taip sendiri *URL* (alamat laman web). Elakkan daripada terus klik pada pautan daripada e-mel atau mana saja walaupun ianya lagi mudah.
 - “*https*” dalam *URL* adalah lebih selamat berbanding “*http*”

Sumber Rujukan : <http://www.klikdenganbijak.my/>